

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI

SOALAN : NO. 452

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bersedia untuk menyemak semula dasar kemasukan warga Afrika yang menjadikan negara ini sebagai 'safe haven' untuk melakukan aktiviti jenayah seperti Love Scam; dan
- (b) adakah Kerajaan bersedia untuk menyemak semula dasar kemasukan warga Afrika yang menjadikan negara ini sebagai 'safe haven' untuk melakukan aktiviti jenayah seperti Love Scam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memantau jumlah kemasukan pelajar antarabangsa institusi pendidikan tinggi (IPT) tempatan. KPT menyasarkan kemasukan sebanyak 250,000 orang pelajar antarabangsa ke IPT tempatan pelajar menjelang tahun 2025. Sehingga Jun 2017 seramai 137,406 orang pelajar antarabangsa berdaftar di IPT seluruh negara.

KPT bersama-sama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa bekerjasama dalam memastikan hanya pelajar antarabangsa yang benar-benar tulen (*genuine*) dan mematuhi syarat yang ditetapkan sahaja boleh belajar di IPT dalam negara. KPT juga telah melaksanakan pelbagai usaha termasuk membangunkan sistem saringan

iaitu *Student Application and Registration System* dan *Multinational Academic Recognition System* sejak tahun 2013 yang bertujuan mengesan lebih awal cubaan pemohon yang cuba menipu dengan menggunakan identiti palsu, transkrip palsu atau diubahsuai, verifikasi keputusan akademik mahupun cubaan memalsukan salinan passport untuk mendapatkan kelulusan visa pelajar.

KPT sentiasa menjalankan aktiviti penyeliaan serta pemantauan ke atas institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) bersama dengan agensi penguatkuasa lain, bagi memastikan pelajar antarabangsa tidak terlibat dengan sebarang kegiatan yang melanggar undang-undang dan mengancam keselamatan negara. KPT juga kerap mengadakan pertemuan dengan IPTS bagi memastikan tahap disiplin para pelajar berada dalam kawalan walaupun di luar kampus.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN MOHAMAED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG - PAN]**

SOALAN NO.453

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- a) berapakah jumlah perbelanjaan bagi menjadi tuan rumah Sukan SEA baru-baru ini dan berapakah jumlah pendapatan yang diperolehi khususnya daripada penjualan tiket; dan
- b) mengapakah ibu bapa yang anak mereka mewakili negara tidak diberikan tiket bagi menyaksikan acara yang anak mereka tandangi seperti yang berlaku kepada keluarga peserta Taekwando dari Sepang iaitu Muhammad Iskandar Zilkarnain bin Ahmad.

122

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, jumlah perbelanjaan akhir masih belum dimuktamadkan kerana Kementerian sedang dalam proses pembayaran untuk segala perolehan yang telah dibuat. Jawatankuasa Kewangan telah menetapkan semua pembayaran perlu dibuat sebelum 30 November 2017. Jawatankuasa Kewangan ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan telah mengeluarkan Tatacara Pengurusan Kewangan yang perlu dipatuhi oleh semua jawatankuasa bagi memasti perbelanjaan dilaksanakan dengan betul dan teratur.
2. Penganjuran KL 2017 ini bukanlah dengan matlamat utama untuk menjana keuntungan wang ringgit. Sebaliknya, ia adalah untuk mempromosikan semangat kesukanan dan mengeratkan persahabatan dalam kalangan negara serantau. Selain itu, ia turut menjadi medan untuk negara-negara peserta untuk mencungkil bakat baru dalam acara sukan yang dipertandingkan. Perbelanjaan yang digunakan juga diselia bagi memastikan perbelanjaan dibuat secara berhemah.
3. Bagi jualan tiket Temasya Kuala Lumpur 2017, kementerian masih lagi mengemaskini laporan jualan tiket yang sedang disediakan. Untuk makluman, jualan tiket bukanlah bersifat untuk menjana pendapatan tetapi lebih bertujuan untuk mengawal kemasukan dan

SULIT

jumlah penonton untuk setiap perlawanan dan memastikan keselamatan penonton semasa berada di dalam venue pertandingan tersebut.

4. Untuk makluman juga, tiket-tiket bagi keluarga atlet telah diperuntukkan mengikut jumlah yang ditetapkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK). Sebagai contoh, bagi sukan Taekwondo sebanyak 1 tiket diberikan untuk keluarga atlet bagi mana-mana perlawanan melibatkan atlet negara dan sebanyak 4 tiket diberikan keluarga bagi atlet yang bertanding pada hari berkenaan.

Sekian, terima kasih.